

04 JUL 1997

Badminton-Terbuka M'sia

DONG JIONG TARIK DIRI DARI TERBUKA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Pemenang pingat perak Sukan Olimpik dan pemain nombor satu dunia Dong Jiong dari China telah menarik diri dari kejohanan badminton Terbuka Malaysia di Kota Kinabalu dari 9 Julai hingga 13 Julai.

Persatuan Badminton China memaklumkan kepada penganjur bahawa Dong, yang sebelum itu menarik diri dari Kejohanan Dunia di Glasgow kerana demam, tidak dapat bertanding disebabkan kecederaan.

Sebelum itu juara dunia Peter Rasmussen dari Denmark menarik diri manakala pemain beregu utama Malaysia Yap Kim Hock terpaksa melupakan hasratnya untuk beraksi kerana kecederaan di bahu dan memaksa rakannya Cheah Soon Kit mencari pasangan baru.

Berikutan ketiadaan Dong, bekas juara dunia Joko Suprianto dari Indonesia disenaraikan sebagai pilihan pertama pada kejohanan bertaraf enam bintang itu yang menawarkan hadiah AS\$180,000 (RM450,000).

Juara tahun lalu Ong Ewe Hock dari Malaysia disenaraikan sebagai pilihan kedua manakala pemain Denmark Peter-Gade Christensen pilihan ketiga.

Christensen, yang menjadi pemain Eropah yang pertama sejak Morten Frost Hansen untuk memenangi satu kejuaraan di Asia apabila beliau memenangi Terbuka Taiwan tahun ini, dijangka bertemu Ewe Hock di separuh akhir.

Juara sebanyak tiga kali Rashid Sidek disenaraikan sebagai pilihan keempat dan dijangka bertemu Joko di separuh akhir. Rashid mengalahkannya di suku akhir Sukan Olimpik di Atlanta.

Tiga lagi pemain Malaysia juga disenaraikan dalam perseorangan lelaki. Yong Hock Kin adalah pilihan ke-11 manakala Wong Choong Hann dan Jason Wong masing-masing pilihan ke-13 dan ke-15.

Ewe Hock, yang menewaskan Indra Wijaya di pertandingan akhir tahun lepas, akan bertemu pemain Brunei Mohammad Junid di pusingan pertama. Pada pusingan berikut beliau dijangka bertemu sama ada rakan senegara Mahathir Mustassa atau Liu Kwok Wa dari Hong Kong sebelum menentang pemain Belanda, Jeroen Van Dijk, pemain pilihan kesembilan.

Bekas pemain kelab Nusa Mahsuri itu dijangka bertemu pemain Indonesia, Budi Santoso, pilihan kelima, di suku akhir.

Rashid pula dijadual bertemu pemain Jepun Fumihiko Machida di pusingan pertama dan pemenang di antara Peter Knowles dari England dan Kim Hyung Joon dari Korea Selatan di pusingan kedua.

Rashid, 29, dijangka bertemu Salim, yang kalah di pertandingan akhir Terbuka Indonesia tahun lepas di pusingan ketiga dan juara grand prix dunia Fung Permadi dari Taiwan di suku akhir.

Dalam beregu lelaki, juara Sukan Olimpik Rexy Mainaky dan Ricky Subagja diramal bertemu rakan senegara Denny Kantono/Antonius pada pertandingan akhir.

Beregu Malaysia Choong Tan Fook dan Lee Wan Wah yang kalah dalam pertandingan akhir kejohanan tahun lepas disenaraikan sebagai pilihan keempat dan dijangka bertemu pilihan pertama Rexy dan Ricky di separuh akhir.

Soon Kit dan pasangan barunya Chew Chun Eng, pilihan ketujuh, dijadual bertemu juara Piala Dunia Denny dan Antonius di suku akhir.

Juara perseorangan wanita sebanyak tiga kali Susi Susanti dari Indonesia disenaraikan sebagai pilihan kedua, di belakang juara dunia Ye Zhaoying dari China.

Lim Pek Siah dan Chor Hooi Yee, yang melayakkan diri ke suku akhir kejohanan Dunia, disenaraikan sebagai pilihan ketujuh dalam beregu wanita.

Beregu negara itu yang memenangi pingat perak pada Remaja Asia dijangka bertemu pilihan pertama dan juara dunia Ge Fei dan Gu Jun di suku akhir.

Perseorangan Lelaki: 1. Joko Suprianto (INA), 2. Ong Ewe Hock (MAS), 3. Peter Gade Christensen (DEN), 4. Rashid Sidek (MAS), 5. Budi Santoso (INA), 6. Fung Permadi (TAI), 7. Alan Budi Kusuma (INA), 8. Luo Yigang (CHN), 9. Hermawan Susanto (INA), 10. Salim (INA), 11. Yong Hock Kin (MAS), 12. Jeroen Van Dijk (HOL), 13. Wong Choon Hann (MAS), 14. Hwang Sun Ho (KOR), 15. Jason Wong (MAS), 16. Thomas Sogaard (DEN).

Perseorangan Wanita: 1. Ye Zhaoying (CHN), 2. Susi Susanti (INA), 3. Kim Ji Hyun (KOR), 4. Dai Yun (CHN), 5. Lee Joo Hyun (KOR), 6. Meiluawati (INA), 7. Yasuko Mizui (JPN), 8. Julia Mann (ENG).

Beregu Lelaki: 1. Ricky Subagja/Rexy Mainaky (INA), 2. Denny Kantono/Antonius (INA), 3. Lee Dong Soo/Yoo Yong Sung (KOR), 4. Choong Tan Fook/Lee Wan Wah (MAS), 5. Liu Yong/Zhang Wei (CHN), 6. Jens Eriksen/Jesper Larsen (DEN), 7. Cheah Soon Kit/Chew Chun Eng (MAS), 8. Seng Kok Kiong/Rudy Wijaya (INA).

Beregu Wanita: 1. Ge Fei/Gu Jun (CHN), 2. Helene Kirkegaard/Rikke Olsen (DEN), 3. Lisbet Stuer-Lauridsen/Marlene Thomsen (DEN), 4. Qiang Hong/Liu Lu (CHN), 5. Etty Tantri/Cynthia (INA), 6. Nonong Zanati/Carmelita (INA), 7. Lim Pek Siah/Chor Hooi Yee (MAS), 8. Liu Zhong/Huang Nanyan (CHN).

Beregu Campuran: 1. Liu Yong/Ge Fei (CHN), 2. Jens Eriksen/Marlene Thomsen (DEN), 3. Trikus Heryanto/Minarti Timur (INA), 4. Imam Tohari/Ema Ermawati (INA), 5. Sandiarto/Finarsih (INA), 6. Lee Dong Soo/Yim Kyung Jin (KOR), 7. Chris Hunt/Donna Kellogg (ENG), 8. Nick Ponting/Rikke Olsen (ENG/DEN). -- BERNAMA

HRS AHH